



SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar menyampaikan ijazah kepada Shamsul Nizan Mohd. Ehsan yang berkerusi roda sempena majlis Konvokesyen UTHM Ke-13 di Batu Pahat, Johor, semalam.



SEBAHAGIAN penerima ijazah yang hadir sempena majlis Konvokesyen UTHM Ke-13 di Batu Pahat, semalam. - MINGGUAN/RAJA JAAFAR ALI

IPT perlu majukan Melayu tanpa abai kaum lain - Sultan

BATU PAHAT 5 Okt. - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini bertitah agar institusi pengajian tinggi meningkatkan usaha bagi membantu memajukan orang Melayu dalam bidang pendidikan dan ekonomi di negeri ini sekali gus mampu bersaing ke peringkat antarabangsa.

Baginda bertitah, walaupun ketutamaan diberikan kepada orang Melayu namun ia tidak bermakna kepentingan bagi kaum lain diabaikan.

Sultan Ibrahim pada masa sama mahu universiti meningkatkan lagi usaha dalam bidang penyelidikan, perundingan dan khidmat masya-

rakat bagi menyokong usaha kerajaan negeri untuk memulihara alam semulajadi di negeri ini.

“Saya yakin pihak pengurusan universiti sentiasa bersedia dan mampu berperanan untuk meningkatkan lagi kemakmuran serta kesejahteraan rakyat di negeri ini.

“Jabatan-jabatan kerajaan negeri yang terlibat dalam pembangunan pendidikan dan ekonomi serta pengajanan alam semulajadi perlu bekerjasama erat dengan pihak universiti bagi menjayakan usaha ini,” katanya.



Sultan Ibrahim yang merupakan Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bertitah pada pembukaan Majlis Konvokesyen UTHM Ke-13 di Dewan Sultan Ibrahim di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Sebanyak 3,520 orang siswazah akan menerima ijazah dan diploma masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, sarjana muda dan diploma pada majlis konvokesyen yang berlangsung se-

lama tiga hari bermula hari ini.

Pada majlis sama, Sultan Ibrahim turut berkenan menyampaikan ijazah kehormat doktor falsafah kepada Gabenor Daerah Istimewa Jogjakarta, Sri Sultan Hamengku Buwono X dan ijazah Profesor Emeritus kepada Prof. Datuk Dr. Ismail Bakar yang juga merupakan bekas Naib Canselor UTHM.

Sultan Ibrahim dalam ucapan baginda turut menasihatkan para graduan agar menjauhi daripada anasir-anasir yang boleh merosakkan hidup, berpegang teguh kepada agama dan berbakti kepada masyarakat dan negara.